



**SEMINAR**  
**KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**  
**DI IPT PERINGKAT KEBANGSAAN 2016**

**Ucapan Perasmian Oleh:**  
**YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB**  
**TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA**

**11 Ogos 2016 | Universiti Malaya**

## **Rujuk Senarai Protokol**

Assalamualaikum w.b.t.,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin meluahkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana pada hari ini saya dapat bersama tuan-tuan dan puan-puan di Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan 2016.
2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama Majlis Negara bagi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MNKKP) dengan kerjasama Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM), Universiti Malaya dan PERKESO di atas segala komitmen dan inisiatif untuk menjayakan program pada hari ini.

Hadirin yang dihormati,

3. Institusi Pengajian Tinggi ialah penyumbang utama pembangunan modal insan berkemahiran dan ekonomi Negara. Pengajian tinggi juga merupakan pencetus inovasi dan penjana penyelidikan yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, Kerajaan mengambil langkah menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi). Pelan ini menyediakan kerangka pembangunan yang menyeluruh untuk menzahirkan transformasi sistem pengajian tinggi secara pantas dan mapan dengan sepuluh (10) lonjakan transformasi sistem.

Hadirin yang dihormati,

4. JKPP merupakan satu-satunya agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mentadbir, mengurus dan menguatkuasakan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Negara ini. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) merupakan rujukan utama dalam penguatkuasaan undang-undang yang bertujuan memastikan keselamatan, kesihatan dan

kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan dan kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang-orang yang sedang bekerja.

5. Dari perspektif perundangan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ditafsirkan sebagai sebuah tempat kerja dengan majikan adalah pihak pengurusan dan pentadbiran IPT, pekerja terdiri daripada para pensyarah, penyelidik dan kakitangan bukan akademik manakala orang selain dari pekerja adalah pelajar IPT serta orang lain yang berurusan dengan pihak IPT. Di antara kewajipan dan tanggungjawab pihak pentadbiran IPT sebagai majikan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 adalah memastikan setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya (seksyen 15 AKKP:1994) dan memastikan setakat yang praktik orang lain yang bukan pekerjanya daripada terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan aktiviti pekerjaan yang dijalankan (seksyen 17 AKKP:1994).

Hadirin yang saya hormati,

6. Iniasitif dan usaha penganjuran seminar pada hari ini oleh pihak penganjur yang terdiri daripada JKPP, MNKKP KLKM, Universiti Malaya dan PERKESO seharusnya diberi pujian dan ini merupakan usaha yang amat baik bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada bakal graduan berkenaan AKKP 1994, sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan peluang kerjaya profesional dalam bidang KKP. Para peserta seminar ini diharap mendapat seberapa banyak maklumat dan kesedaran dari aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebelum mereka menceburi apa-apa bidang pekerjaan.
  
7. Sememangnya kerjaya dalam bidang KKP ini begitu luas dan mendapat permintaan tinggi di pasaran kerja dengan pendapatan yang agak lumayan. Terdapat pelbagai kompetensi dan bidang pengkhususan kerja yang para pelajar boleh ceburi selepas tamat pengajian contohnya sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, yang merupakan suatu keperluan di bawah AKKP 1994 bagi sektor pembinaan, pembuatan dan pengilangan yang memenuhi kriteria tertentu.

8. Selain daripada itu, banyak lagi kerjaya dalam bidang KKP yang boleh diceburi seperti Pengapit (Assessor) bagi menjalankan penaksiran risiko bahan kimia berbahaya, Jurutera Stim dan Enjin Pembakaran Dalam, Doktor Kesihatan Pekerjaan dan pelbagai Orang Yang Kompeten bagi menjalankan penaksiran Pendedahan Bunyi Bising, Lif, Bahaya Besar, Kualiti Udara Dalam dan lain-lain. Peluang kerja sebegini amat diperlukan di pelbagai sektor industri dan pihak JKPP sentiasa mengawal selia fungsi-fungsi kerjaya ini bagi mencapai objektif meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Hadirin yang dihormati,

9. Seperti yang kita sedia maklum, Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia merupakan badan Pengakap yang banyak terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan seperti misi bantuan menyelamatkan mangsa banjir dan sebagainya. Sehubungan itu, pendedahan dan maklumat berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini perlu diintegrasikan dan dipraktikan dalam aktiviti KLKM terutamanya dalam menilai risiko atau bahaya seterusnya mengambil langkah-langkah keselamatan sewajarnya.

Hadirin yang dihormati,

10. Kejadian kemalangan sebenarnya amat merugikan kerana sejumlah wang terpaksa dikeluarkan bagi menanggung kos rawatan dan bayaran pampasan yang mana nilainya jauh lebih tinggi berbanding kos yang perlu dikeluarkan untuk mempraktikkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Tambahan lagi jika kemalangan melibatkan kehilangan nyawa, pihak IPT akan kehilangan pensyarah atau kakitangan yang mahir dan keluarga turut kehilangan individu yang tersayang, sekaligus menjejaskan pendapatan keluarga. Ingin saya kongsi maklumat kadar kemalangan negara bagi tahun 2015 adalah 2,81 per 1,000 pekerja. Manakala kadar kemalangan maut pada tahun yang sama adalah sebanyak 4.84 per 100,000 pekerja. Jumlah ini turut memainkan peranan penting dalam meletakkan Malaysia sebagai tempat bekerja yang selamat dan sihat di peringkat antarabangsa.
11. Sehubungan dengan itu, kita harus bersama – sama bertekad dan berusaha untuk terus mencegah kes kemalangan daripada berlaku pada masa hadapan. Pihak Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan pihak pengurusan IPT perlu merangka

pelan dan strategi bagi menangani isu – isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di IPT masing-masing. Justeru, saya menggesa setiap IPT yang ada di negara ini mengamalkan Sistem Pengurusan KKP secara holistik lagi sistematik dalam aktiviti kerja seharian.

Hadirin yang dihormati,

12. Hasrat dan aspirasi negara menuju Negara Maju terarah kepada usaha melahirkan modal insan yang berilmu, berakhlak dan seimbang agar boleh menyumbang kepada keharmonian Negara yang mana ianya juga merupakan teras Falsafah Pendidikan Negara. Kesejahteraan negara akan dapat dicapai apabila atmosfera pembelajaran di IPT dipelihara agar sentiasa selesa, selamat dan harmoni di kalangan warga kerjanya.
  
13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur iaitu JKPP, MNKKP dengan kerjasama KLKM, Universiti Malaya dan PERKESO di atas inisiatif yang amat baik ini. Dengan terlaksananya Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di IPT Peringkat Kebangsaan ini, saya menaruh harapan agar para

peserta dapat memanfaatkan segala yang diperolehi nanti ke arah amalan budaya kerja selamat dan sihat.

14. Dengan kata-kata tersebut dan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di IPT Peringkat Kebangsaan 2016 ini.

Sekian, terima kasih.